

Pentas puitis luah simpati



BH



ZOOM AR

Untuk tonton video

» Baca Puisi Banjir Besar Negara kongsi kesedihan musibah berterusan

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Selepas banjir besar yang menjejaskan lebih 200,000 mangsa di lima negeri khususnya di Pantai Timur, tanah air diuji pula dengan bencana sama yang melanda beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak.

Selepas banjir surut, kemusnahan yang berlaku pada harta benda orang awam dan infrastruktur yang disediakan menjadi lebih 'jelas.'

Menyaksikan dari jauh, hanya simpati dan bantuan yang terdaya mampu dihulurkan, apatah lagi selepas melihat kesan banjir khususnya terhadap kediaman yang ada hanya tinggal tapak, selain jalan raya dan laluan kereta api yang terputus.

Mengeja, membaca musibah

Bagi kalangan seniman dunia sastera, kalimah dan diksi yang disusun pada acara Baca Puisi Banjir Besar Negara di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia



(UPM), Serdang, baru-baru ini menggambarkan 'rasa' mereka mengenai bencana itu.

Membuka pentas acara ialah Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala yang tampil dengan puisinya, *Mengeja dan Membaca Hikayat Musibah Ini Ya Allah* yang berbicara mengenai keluh kesah hamba mengakui 'pelajaran' diperoleh daripada musibah yang melanda.

Masihkah silang panca amarahMu untuk kami digumpal oleh riwayat air yang membaham umat Nuh, yang menjahanam umat Musa.

Jika wujud persatuan selepas ini

ya Allah, maka terimalah penyesalan kami.

Kami sudah mengeja dan membaca riwayat dan hikayat sirnanya umat di zaman silam dan kini bergentayangan di hadapan kami.

Kami pulau kerdil yang dimamah dingin-Mu, kami pohon yang meranting terbakar oleh noda dan dosa dan silat pingkar 'mursyid-mursyid' palsu kami.

Ummah ini perlu dijirus lumpur-lumpur

pekat dan likat ini dengan air keampunan-Mu.

Ya Allah kami sudah mengeja dan membaca hikayat dan riwayat pedih ini

Meredakan ketakutan anak

Selepas Kemala, deklamator, Norazimah Abu Bakar pula mengambil tempat dengan *Tidur Anak, Tidur Sayang* mengenai ibu yang cuba meredakan ketakutan anak-anaknya yang mungkin kali pertama menyaksikan aliran air deras menggulung apa saja di depan mata mereka.

Tidurlah anak, tidurlah sayang di lantai lumpur beralas lengan

Mua'ti (tengah) dan Kemala (kiri) menyerahkan hasil kutipan derma untuk mangsa banjir di Pantai Timur kepada Timbalan Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Prof Dr Mansor Ahmad pada acara Baca Puisi Banjir Besar Negara di UPM Serdang, baru-baru ini.

[FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN/BH]

biarkan rebut di luar laman ibu dodoi ibu buai zikir ibu di malam syahdu Allah Yang Satu kita mengadu.

Mencari hikmah, tenggelamkan fitnah

Pengarah Galeri Seni RA Fine Art, Raja Ahmad Aminullah terus meneruskan acara dengan lantunan suara mengungkap rangkap puisi dikarang melalui *Tunas*.

Puisi lima rangkap itu mencari hikmah di sebalik musibah besar itu, iaitu moga-moga ia menenggelamkan budaya benci dan fitnah serta mencambahkan kemanusiaan.

Moga dari musibah ini akan bertambahlah tunas-tunas seperti cabang nyiur membangun mematangkan bangsa tercinta ini.

Acara anjuran Persatuan Sasterawan Nusantara Melayu Raya (NUMERA) itu, turut dihadiri Dekan FBMK, Prof Madya Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad; Pengarah Urusan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron; Felo FBMK UPM, Prof Madya Dr Arbak Othman; Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write), Datuk Dr Zurinah Hassan dan Pen-syarah UPM, Dr Shamsuddin Othman.

Pentas puisi turut menampilkan Prof Madya Dr Adi Yasran Abdul Aziz, Prof Madya Dr Ab Halim Mohamad, Fazli Zainal, Hazwan Ariff Hakimi, Umar Uzair, Lily Siti Multatuliana Sutan Iskandar, Fairul Pujangga dan Syamputra Razali.